

Eagle Threat: Significant and Control Techniques According to al-Hadith Perspective

Mohd Farhan Md Ariffin¹, Khadher Ahmad¹, Mohd Anuar Ramli², Mohammad Naim Abdullah³

¹ Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

² Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

³ Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

al.muqarrobiin@gmail.com

Abstract

Eagle is an animal that quite known among animal breeders. Eagle is a ferocious predator and possesses strong claws. Eagle's dominant natures that like to threat domestic animal affected the source of food supply and human income. In Islam, these types of animals dubbed as pests. Therefore, early preventive measures in the form of knowledge is very important in order to understand the concept of "*interaction with pests*" well. Significantly, Prophet Muhammad SAW has warned on threat posed by pest cluster including eagle in his set saying. Thus, this article strives to peel regarding eagle description with the methods to interact with pests through al-Hadith discussions. This case is important to provide guidance to society regarding harms that able to be incarnated by particular animal and also the most efficient control techniques according to Prophetic tradition without marginalizing animal exclusive rights.

Keywords: Eagle; Threat; Pest; Significant; Control Technique

Ancaman Helang: Signifikan dan Teknik Kawalan Menurut Perspektif Al-Hadith

Abstrak

Helang merupakan haiwan yang cukup dikenali dalam kalangan para penternak haiwan. Helang merupakan haiwan pemangsa yang ganas dan memiliki kuku pencengkam kuat. Sifat dominannya yang suka mengancam haiwan ternakan menjelaskan sumber makanan dan pendapatan manusia. Dalam Islam, jenis haiwan seperti ini digelar sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak). Oleh itu, kaedah pencegahan awal dalam bentuk ilmu pengetahuan amat penting dalam rangka memahami konsep "*interaksi dengan haiwan perosak*" dengan baik. Signifikannya, Nabi SAW telah membincangkan mengenai bahaya dan ancaman kelompok haiwan tertentu termasuk helang dalam himpunan sabdanya. Justeru, makalah ini berusaha mengupas ulasan al-Hadith berkenaan helang. Ini penting bagi memberi panduan kepada masyarakat akan mudarat yang mampu dihadirkan haiwan tertentu dan teknik kawalan paling berkesan menurut al-Sunnah tanpa meminggirkan hak-hak eksklusif haiwan.

Kata Kunci: Helang; Ancaman; Haiwan Perosak; Signifikan; Teknik Kawalan

Pengenalan

Helang merupakan spesies haiwan dari keluarga burung besar berdarah panas yang lazimnya mencari makanan dengan cara menyambang mangsa (Teuku Iskandar, 1970). Menurut definisi kamus bahasa Inggeris, helang ditakrifkan sebagai "*a very large bird that can see very*

well. It eats small birds and animal" (Keith Brown et al. 2007).

Ciri-Ciri Biologi Helang

Helang merupakan haiwan mamalia bersayap, tubuh diliputi bulu pelepas dan berparuh. Paruh helang tidak bergigi tetapi mempunyai sudut bengkok bertujuan

mengoyak daging mangsa. Helang juga mempunyai sepasang kaki dilengkapi kuku tajam yang digunakan bagi mencengkam mangsa. Sepertimana spesies burung lain, helang membiak dengan cara bertelur.

Helang mempunyai sistem pernafasan yang baik bertujuan membekalkan oksigen yang banyak ketika terbang. Jantung burung helang terdiri dari empat bahagian dikenali sebagai “atrium” sementara bahagian bawah dikenali sebagai “ventrikel”.

Selain itu, helang boleh hidup sehingga menjangkau 35 tahun. Ia boleh melihat mangsa yang berada sejauh 1.6 kilometer dan mampu terbang setinggi 10,000 kaki serta menjunam menyambar mangsa dengan kelajuan 150-200 km/j (Hope B. Werness, 2003).

Spesies Helang

Terdapat kira-kira 44 spesies helang di seluruh dunia (Tom Warhol, Chris Reiter, 2004). Misalnya spesies helang merah (*haliaeetus indus*), helang hindik (*spizaetus cirrhatus*), helang belalang (*microhierax fringillaris*), helang sewah (*accipiter gularis*) dan helang malam (*machaerhampus alcinus*) (Hope B. Werness, 2003).

Di benua Eropah, antara spesies helang popular ialah *bald eagle* (*haliaeetus leucocaphalus*), *golden eagle* (*aquila chrysaetos*), *steller's sea eagle* (*haliaeetus pelagicus*) dan *white-tailed sea eagle* (*haliaeetus albicilla*). Manakala spesies helang di Malaysia adalah dari jenis helang hitam dan helang merah. Spesies burung helang mudah dikenal, tidak jauh berbeza dari yang lain dan masih mengelarkan rupa yang sama meskipun berbeza warna dan bentuk.

Tabiat Helang

Di Malaysia, burung helang banyak tinggal di kawasan persisiran pantai. Ia tinggal sekitar benua India, selatan China, Asia Tenggara, Kepulauan Indonesia, Australia dan Kepulauan Solomon.

Burung helang membiak dalam negara beriklim khatulistiwa di wilayah selatan Asia dari India, Sri Lanka sehingga Asia Tenggara.

Helang biasanya berkumpul dalam jumlah yang kecil (Linda Campbell, 1995) dan suka meluncur tinggi di udara. Ketika waktu panas terik, ia menggunakan kelebihan “termal udara panas” untuk terbang dengan lebih lancar. Seekor burung helang boleh bertelur antara satu hingga dua biji telur sahaja dalam satu masa. Apabila telur-telurnya sudah menetas, ia akan menjaga anak-anaknya sehingga mampu terbang sendiri (Michael J. Caduto, t.t.).

Helang merupakan karnivor yang rakus. Makanan utamanya adalah haiwan mamalia kecil seperti tikus, tupai, ular dan ayam. Namun begitu,

terdapat sesetengah burung helang yang menangkap ikan sebagai makanan (Gordon Morrison, 1998).

Secara umumnya, helang lazimnya suka memakan sisa bangkai yang ditinggalkan oleh musang atau *coyote* meskipun ia mampu menyambar mangsa seperti kambing dan rusa liar (Bart W. O’Gara, 1994).

Ancaman Helang

Helang terkenal sebagai penyerang hendap (*silent killer*), datang tanpa disedari dan suka mengganggu haiwan ternakan (Mohd Rasdi Saamah, t.t.). Helang merupakan pemangsa yang efisien dan boleh menyebabkan kerugian besar apabila dibiarkan hidup tanpa sebarang kawalan (Bart W. O’Gara, 1994).

Satu laporan mendedahkan bahawa penternak ayam daging mengalami banyak kerugian apabila helang sering menyambar anak-anak ayam yang berkeliaran sekitar reban (Malaysia Catch Fish Hatchery, 2013).

Bukan itu sahaja, akhbar perdana Berita Harian pada 20 September 2006 pernah melaporkan bahawa helang-helang di bandar Rio De Janeiro, Brazil pernah mengganas dan menyerang sehingga mengakibatkan kecederaan serius pada muka dan kepala penduduk (Berita Harian Online, 2006).

Akhbar O Globo turut melaporkan kejadian lebih ganas apabila seorang wanita kehilangan sebahagian kulit kepalanya akibat diserang helang. Seorang budak kecil juga hampir buta dan terkoyak telinga apabila diterkam helang yang berkeliaran di taman permainan daerah Farnborough, London (Metro Online, 2012).

Signifikan Nas Yang Menyebutkan Helang Sebagai Haiwan Fasiq

Nabi Muhammad SAW ada memperingatkan akan bahaya haiwan tertentu. Ini menjadi dasar perbahasan apabila memperkatakan mengenai haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam. Sabda baginda SAW:

Terjemahan: Dari Saidatina ‘Aishah RA, Nabi SAW pernah bersabda: “Lima (jenis) haiwan yang fasiq dan boleh dibunuh walaupun di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing liar.” [al-Bukhari, Sahih al-Bukhari]

Lafaz “haiwan fasiq” dalam hadith bermaksud haiwan perosak, liar, buas, jahat, pengganggu, penceroboh dan berbahaya kepada manusia (Ibn Manzur, t.t.).

Kalimah (خَمْسُ فَوَاسِقٌ) dalam hadith merujuk kepada lima jenis haiwan perosak utama iaitu tikus, kala

jengking, helang, gagak dan anjing liar. Namun, ia tidak terhad pada lima haiwan tersebut.

Nabi Muhammad SAW turut menyebutkan ular dan cicak dalam riwayat lain (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Fasiq Menurut Pandangan Ulama'

Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* menyatakan bahawa "fasiq" bermakna "keluar" (yakni) "keluar" dari jalan syariat Islam. "Keluar" (melanggar) perintah Allah SWT, "keluar" (tidak mengambil) apa yang dihalalkan dan menghalalkan perkara diharamkan Allah SWT. Maka, setiap kelakuan mungkar adalah tergolong fasiq (dosa) (Abu 'Abd Allah Muhammad Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, 2006).

Ibn Abu Hatim dalam tafsirnya, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, menyatakan "fasiq" merujuk kepada beberapa pengertian: [Pertama]: (وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ), golongan yang tidak berhukum dengan hukum Allah SWT. Meninggalkan hukum hakam dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti hudud dan qisas. [Kedua]: (الْكُفَّارُ), golongan kafir dari Yahudi dan Nasrani (Kristian). Yahudi mengatakan 'Uzayr itu anak Allah SWT, manakala Nasrani (Kristian) mengatakan tuhan terdiri daripada tiga, iaitu Maryam, Jibril (*roh kudus*) serta 'Isa. [Ketiga]: pelaku maksiat (*الْعَاصُونَ*). Golongan yang suka melakukan maksiat dan melanggar perintahnya. [Keempat]: golongan pendusta (*الْكَافِرُونَ*), mereka yang mendustakan syariat dan tidak mempedulikan arahan dan sunnah Nabi SAW ('Abd al-Rahman Muhammad Idris al-Razi Ibn Abi Hatim, 1997).

Ibn Kathir (774H) turut menyatakan orang fasiq ialah pelaku dosa besar (الذُّنُوبُ الْكَبَارُ وَالْعَصَبَانُ), pendusta dan penipu, suka menabur fitnah serta gemar melakukan kerosakan. Allah SWT melarang umat Islam mengikuti jejak pelaku kerosakan (المُفْسِدِينَ). Malahan *khabar* yang dibawa oleh si fasiq perlu diteliti terlebih dahulu dan jangan mudah percaya. Hal ini kerana berkemungkinan besar ia terdedah kepada fitnah, penipuan dan kesalahan ('Imad al-Din Abu al-Fida' 'Isma'il Ibn Kathir al-Dimashqi, 2000).

Menurut Abu al-Haytham, "fasiq" boleh jadi "syirik (kufur)" dan boleh jadi "suka berbuat kemungkaran." Seseorang dikatakan "fasiq" jika sering melakukan maksiat, kerosakan dan melanggar aturan Allah SWT. Oleh itu, seseorang yang cenderung pada maksiat disebut fasiq (Ibn Manzur, t.t.).

Berdasarkan perbincangan tersebut, penggunaan "fasiq" bagi manusia bermakna keluarnya seseorang dari jalan ketataan kepada Allah SWT dan banyak melakukan maksiat. Manusia fasiq turut disebut sebagai "al-'Asi".

Pengertian "fasiq" meliputi semua golongan manusia, tidak kira orang kafir, bahkan layak digelar

kepada Muslim yang penipu, pendusta, pelaku mungkar dan kerosakan serta mengeneplikan syariat Islam. Malahan fasiq sangat hampir kepada kekufturan.

Fasiq dan Signifikannya Terhadap Haiwan

Penggunaan "fasiq" pada haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian haiwan (Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, t.t.) disebabkan sifatnya yang membawa kemudarat dan kehinaan dan kemusnahan kepada manusia.

Berkaitan istilah [الذُّوَابَ] iaitu haiwan melata, para ulama bersepakat penggunaan istilah ini tidak terhad kepada haiwan darat bahkan meliputi burung-burung yang terbang di udara. Ini berdasarkan dalil keumuman (Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001) dari firman Allah SWT:

Terjemahan: "Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata." [Al-Quran, Hud 11: 6]

Ketujuh-tujuh haiwan fasiq kesemua memiliki sifat zalam yang mengancam kesejahteraan hidup (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968). Berkenaan jumlah sebenar fasiq, Imam al-Suyuti telah menyatakan bahawa lima jenis haiwan fasiq yang utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing sebagaimana diriwayatkan daripada Ibn 'Umar RA tidak bermaksud ia khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja.

Ia hanya merupakan salah satu bentuk *i'tibar* (contoh) dalam menyatakan jenis haiwan fasiq dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima jenis haiwan itu sahaja.

Kemungkinan Nabi SAW menyebutkan kelima-lima jenis haiwan ialah pada mulanya dan kemudiannya baginda SAW menyebutkan selepas itu jenis-jenis haiwan lain yang sama hukum dengan lima haiwan yang utama. Maka, bilangan "lima" haiwan fasiq tidak *thabit*.

Dalam sebahagian riwayat 'A'ishah RA, dinyatakan dengan lafadz "empat" dan "enam". Adapun hadith yang menyatakan "empat" jenis haiwan fasiq yang dikeluarkan oleh Imam Muslim riwayat al-Qasim dari 'A'ishah RA dengan tidak menyebutkan gagak. Manakala "enam" jenis haiwan fasiq sebagaimana dinyatakan Imam Muslim riwayat dari Abu 'Uwanah dari 'A'ishah RA pula ditambah ular.

Dalam hadith riwayat Abu Sa'id al-Khudri RA pula, disebutkan sebanyak "tujuh" jenis haiwan fasiq

dengan tambahan “*al-Sab'u al-'Adi*” iaitu haiwan buas yang biasa secara adatnya memusuhi manusia.

Selain itu, dalam hadith riwayat Abu Hurayrah RA yang dikeluarkan oleh Ibn Khuzaymah, ada dinyatakan harimau dan serigala yang menjadikan “*sembilan*” haiwan fasiq. Hadith sama turut dikeluarkan oleh Ibn Abu Shaybah, Sa'id Ibn Mansur dan Abu Dawud dari jalan Sa'id Ibn Musayyib.

Namun begitu, riwayat-riwayat hadith berkenaan empat, lima, enam atau tujuh jenis haiwan fasiq ('Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawi, 1996), hanya untuk menunjukkan persepkatan ulama tentang ‘*illah* sifat haiwan tersebut iaitu “*menyakiti*” (*aqr*), “*tidak bermanfaat*” dan “*suka berbuat kerosakan*” pada manusia (Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf al-Sanusi al-Hasani, t.t.).

Dalam bahasa mudahnya, ia bermaksud “*haiwan perosak*” iaitu haiwan-haiwan yang melanggar sunnatullah sebagai makhluk yang sepatutnya tunduk kepada manusia sebagai khalifah Allah SWT bahkan menambah kemusnahan di muka bumi ('Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawi, 1996).

Perkaitan tikus, cicak dan haiwan lain yang dinamakan Nabi SAW sebagai fasiq, hanya sebagai satu bentuk perumpamaan (*isti'arah*) kepada aspek kemudaratan yang dibawa oleh haiwan-haiwan berikut (Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, t.t.). Imam Ibn Daqiq al-'Aid ada menyebutkan;

“Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat “mengganggu (menyakiti manusia)” merupakan pandangan yang kuat menurut ulama qias. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kelompok haiwan tertentu, kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas” (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006)

Justeru, faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah fasiq amat berkaitan dengan sifat “*mengganggu*”, “*mendatangkan mudarat*,” dan “*melampaui batas*” haiwan-haiwan tertentu kepada manusia. Imam al-Nawawi ada menyatakan bahawa haiwan-haiwan tertentu digelar fasiq oleh kerana keluarnya hanya mengganggu dan membuat kerosakan di jalan yang biasa dilalui haiwan tunggangan (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak

Menurut *Kamus Dewan*, haiwan perosak bermaksud haiwan yang merosak dan memusnahkan sesuatu benda misalnya tanaman dan harta benda manusia. Haiwan perosak juga bererti haiwan yang jahat. Manusia seperti

golongan petani tidak suka dengan haiwan perosak dan ia dibunuh dengan penggunaan racun (Kamus Dewan Online, 2013).

Melihatkan kepada takrifan di atas, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan fasiq.

Namun begitu, takrifan haiwan perosak dalam Islam lebih meluas. Para ulama menggunakan istilah haiwan fasiq kerana disabdakan Nabi SAW. Kelompok haiwan fasiq tidak terhad kepada haiwan yang disebutkan dalam riwayat sahaja (iaitu tikus, kala jengking, gagak, helang, cicak, ular dan anjing).

Mereka turut memasukkan spesies haiwan lain seperti lipan, serigala dan harimau malah semua haiwan yang bersifat memusuhi manusia atau haiwan ternakan, menjelaskan kesihatan atau hasil tanaman dalam kategori “*haiwan fasiq*”. Pendapat ini juga disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Oleh itu, para ulama turut bersepakat bahawa gelaran tikus sebagai fasiq untuk mengisyaratkan gelaran “*fasiq*” kepada semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan gagak dan helang untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mampu mengganggu manusia dengan menyambar seperti helang dan bersikap pengotor seperti gagak pemakan bangkai.

Manakala permisalan anjing 'aqr menunjukkan sifat fasiq haiwan yang menyerang dengan gigitan taringnya seperti serigala dan singa (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006). Sebutan “*aqrab*” (kala jengking) untuk menunjukkan semua haiwan yang mengancam melalui gigitan beracun seperti ular, lipan, lebah dan sebagainya.

Kesimpulannya, semua haiwan yang memiliki sifat-sifat yang ditonjolkan ketujuh-tujuh jenis haiwan fasiq adalah tergolong dalam kalangan haiwan yang harus dibunuh jika berbahaya dan terdapat ancaman (Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, 2011).

Haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman.

Justeru, istilah haiwan perosak tidak berbeza dengan haiwan fasiq. Haiwan fasiq hanyalah istilah perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari demi memelihara agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan umat Islam (Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, t.t.).

Daripada perbahasan tersebut, kelompok haiwan fasiq seperti ular, tikus, helang, cicak, kala jengking, anjing dan ular merupakan haiwan yang mempunyai tabiat buruk dan merbahaya. Setiap haiwan membawa

motif dan kerosakan berbeza. Islam membolehkan kelompok haiwan fasiq dibunuh kerana kefasikannya (sifat melampaui batas) yang mendatangkan kesan negatif terhadap manusia.

Ulasan *Fiqh al-Hadith* Mengenai Helang Sebagai Haiwan Perosak

Helang dan Sifatnya

Terjemahan: Dari ‘A’ishah RA, sesungguhnya Rasullullah SAW bersabda: “Lima jenis haiwan fasiq yang harus dibunuh (sama ada) di tanah halal dan haram: “Burung helang, burung gagak, tikus, kala jengking dan anjing buas.” [al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i]

Menurut al-Fayyumi, helang merupakan haiwan pemangsa yang ganas dan memiliki kuku pencengkam kuat. Helang wujud sejak zaman Nabi Sulayman AS (‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawi, 1996).

Al-Qadi ‘Isma’il menyebutkan burung helang digelar fasiq akibat sifat suka mencuri makanan dan daging dari tangan manusia. Ia suka makan daging arnab dan burung kecil. Haiwan ternakan manusia juga tidak terkecuali (Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr al-Qurtubi, 2006).

Abu Bukayr pernah berkata, umat Islam diizinkan membunuh kala jengking disebabkan bisa sengatan, tikus disebabkan licik menyusup dan mengotori bekas makanan dan minuman. Sementara burung helang disebabkan datangnya menyambar pada belakang unta peliharaan untuk dijadikan makanan (Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr al-Qurtubi, 2006).

Kesimpulannya, burung helang digelar fasiq disebabkan sifat dominannya yang suka mengancam haiwan ternakan yang menjadi sumber makanan dan pendapatan manusia. Namun begitu, hanya helang pemakan daging dewasa sahaja digelar fasiq. Helang yang masih kecil terkecuali oleh kerana masih belum mampu menghadirkan ancaman.

Hukum Membunuh Helang

Terjemahan: Dari Ibn ‘Abbas RA berkata: “Rasullullah SAW melarang dari (memakan) setiap haiwan buas yang bertaring dan setiap burung yang mempunyai kuku mencengkam.” [Muslim, Sahih Muslim]

Dalam bab haiwan bertaring yang haram dimakan, terdapat sedikit perselisihan pandangan dalam kalangan ulama’. Imam Abu Hanifah (150H/767M) mengharamkan memakan setiap haiwan pemakan daging kerana tergolong dalam kalangan haiwan

bertaring sehingga dab dan kucing hutan turut termasuk dalam kategori ini.

Sementara Imam al-Shafi’i (204H/820M) hanya mengharamkan memakan haiwan bertaring yang memusuhi manusia seperti beruang dan harimau. Musang tidak termasuk dalam haiwan yang haram dimakan disebabkan tidak memusuhi manusia.

Namun begitu, helang tergolong dalam kalangan haiwan yang haram dimakan sepertimana singa, kucing dan gagak (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Abadi, 1968).

Para ulama turut bersepakat keharusan membunuh semua haiwan buas yang mengancam dengan taring dan kukunya (bersifat ‘aqur). Ini termasuk burung helang yang merupakan haiwan buas dari kalangan burung.

Namun begitu, Imam al-Tahawi, seorang imam mazhab Hanafi berpendapat haram membunuh helang dan al-Bazi (sejenis helang) (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2006).

Sementara itu, burung helang yang masih kecil tidak boleh dibunuh sehingga dewasa dan membinasakan. Wahbah al-Zuhayli menghukum haram membunuh burung dan haiwan secara suka-suka kecuali disebabkan permusuhan mereka terhadap rezeki dan harta benda (Wahbah al-Zuhayli, 1985).

Prinsip Dalam Interaksi dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Setiap makhluk mempunyai kepentingan dalam kitaran ekologi dan memiliki peranan tersendiri yang berbeza namun saling bergantungan antara satu sama lain. Oleh itu, wujudnya hubungan sesama makhluk (Yusuf al-Qaradhwai, 1997).

Bagi meraikan hubungan tersebut, Islam mengajar umatnya supaya berakhlik mulia dan berkasih sayang sesama makhluk. Hal ini penting bagi memastikan keharmonian dan keseimbangan ekosistem (Norhibah Hasan Zawawi, 1999). Ini jelas sebagaimana kalam Rasulullah SAW:

Terjemahan: “Kasihanilah makhluk di bumi, nescaya kamu dikasihi makhluk di langit. [Abu Dawud al-Tiyalisi, Musnad Abu Dawud]

Namun begitu, Islam bersikap tegas terhadap perbuatan melampaui batas berdasarkan prinsip mempertahankan *maqasid shari’ah*. Pendirian ini bukan hanya diaplikasi terhadap manusia, bahkan turut meliputi semua makhluk. Rasulullah SAW pernah bersabda melalui riwayat ‘Ubada Ibn al-Samit RA:

Terjemahan: “Tidak boleh merosakkan dan tidak boleh mengekalkan kerosakan.” [Ibn Majah, Sunan Ibn Majah]

Menurut Imam al-Shatibi, mendatangkan kerosakan dan mengekalkan kerosakan adalah dilarang Islam sama ada secara menyeluruh atau tidak (Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, 1999).

Ibn 'Abd al-Barr menukilkan pandangan al-Khashani dalam *al-Istidhkhar* berkenaan maksud '*membawa kerosakan* dan *mengekalkan kerosakan*'. Maksud '*membawa kerosakan*' adalah sesuatu yang bermanfaat (kepada yang berkehendak), tetapi memudaratkan jiran atau orang sekeliling. Manakala maksud '*mengekalkan kerosakan*' adalah sesuatu yang tidak bermanfaat kepadanya dan orang lain (Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, 1999).

Kemusnahan atau kepincangan tidak boleh dibiarkan berlaku tanpa sebarang pencegahan. Usaha mempertahankan kemaslahatan dan menolak kejahatan itu sendiri sudah dikira sebagai ibadah (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968).

Justeru, Islam menolak sekeras-kerasnya sebarang bentuk perlakuan yang menjurus kepada kerosakan, kezaliman dan kemusnahan (Norhibah Hasan Zawawi, 1999) baik dari manusia atau haiwan. Firman Allah SWT:

Terjemahan: "Janganlah melakukan kerosakan di bumi." [Al-Quran, al-Baqarah 2: 11]

Oleh itu, prinsip "*mengharamkan kerosakan dan penyalahgunaan hak*" merupakan asas interaksi antara manusia dan haiwan. Haiwan yang melanggar prinsip ini digelar sebagai "*fasiq*" yakni melampaui batas.

Atas asas yang sama, Islam membolehkan membunuh spesies haiwan tertentu seperti ular, tikus atau seumpama yang bersifat dengan fasiq (melampaui batas, suka membuat kemusnahan dan kerosakan) terhadap manusia.

Hal ini bertujuan memelihara kesejahteraan hidup manusia dari sebarang bentuk ancaman (Sheikh Khalil Ahmad al-Sahhar Nafawri, t.t.).

Teknik Kawalan Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) Menurut *al-Hadith*

Mengenal haiwan fasiq dan jenis seumpamanya merupakan piawaian utama. Haiwan fasiq (haiwan perosak) dikenalpasti berdasarkan empat kriteria utama iaitu:

[Pertama]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup (melampaui batas).

[Kedua]: Haiwan yang mengancam nyawa dan kesihatan.

[Ketiga]: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan).

[Keempat]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.

Memahami sifat-sifat haiwan fasiq, membolehkan langkah mengenalpasti, mencegah dan menangani ancaman kelompok haiwan perosak dan seumpama dapat dilakukan secara berkesan. Ini sekaligus mengelakkan sebarang kekeliruan yang boleh mengakibatkan pembabitan haiwan yang tidak terlibat.

Kaedah Membunuh Haiwan Perosak

Metode terbaik dalam berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) sekaligus menghilangkan mudaratnya pada manusia ialah dengan cara membunuh. Malah, gelaran fasiq terhadap haiwan itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh (Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001).

Hal ini berlandaskan kaedah fiqh *al-Darar Yuzal*, iaitu kemudarat mesti dihapuskan (Abd Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2000).

Islam menganjurkan umatnya menggunakan cara paling ihsan dalam melaksanakan pembunuhan. Cara terbaik untuk membunuh kelompok haiwan tersebut adalah dengan satu pukulan yang terus mematikan. Hal ini dikiaskan dari cara membunuh cicak yang diajarkan Nabi Muhammad SAW.

Sekaligus mengelakkan haiwan tersebut terseksa menanggung kesakitan sementara menunggu pukulan kedua (Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf al-Sanusi al-Hasani, t.t.). Ini berdasarkan hadith:

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah RA, Rasullullah SAW bersabda, "Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi." [Muslim, Sahih Muslim]

Sheikh 'Iz al-Din Ibn 'Abd al-Salam turut menyebutkan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968) bahkan menepati maqasid hadith Nabi SAW berikut:

Terjemahan: Dari Shaddad Ibn Aws RA, sesungguhnya Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan kepada semua perkara. Jika kamu membunuh, maka perelokkan pembunuhan kamu." [Muslim, Sahih Muslim]

Mengulas cara paling tepat membunuh haiwan fasiq, harus diteliti pada tindakan Saidatina ‘A’ishah RA. Beliau menggunakan tombak dan lembing untuk membunuh cicak.

Terjemahan: Dari Sa’id Ibn al-Musayyib RA, ada seorang perempuan (Ummu Sharik) datang kepada ‘A’ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka ‘A’ishah bertanya: Untuk apakah lembing ini? Ummu Sharik pun menjawab: Untuk membunuh cicak. “Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya.” [al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i]

Terjemahan: Dari Sa’ibah Maulah al-Fakih Ibn al-Mughirah bahawasanya dia menemui ‘A’ishah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya kepada ‘A’ishah RA: “Wahai Umm al-Mu’mimin, apa yang engkau lakukan dengan tombak ini?” ‘A’ishah RA menjawab: “Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami bahawa tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satu pun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang meniu-p-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya.” [Ibn Majah, Sunan Ibn Majah]

Ini dilakukan agar urusan pembunuhan menjadi lebih baik (‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawi, 1996) sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyaksakan dan kurang mendatangkan kesakitan.

Selanjutnya, Islam melarang membunuh haiwan dengan cara membakar, melemas, merejam, memberi makanan beracun atau cara lain berdasarkan kekejaman. Ini berpandukan hadith:

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah RA, Rasullullah SAW bersabda: “Seorang nabi daripada nabi-nabi telah duduk di bawah sebatang pokok, dan seekor semut betina menggigitnya, maka baginda telah memerintahkan pengikutnya supaya keluar dari (kawasan) bawah pokok tersebut. Kemudian baginda memerintahkan supaya dibakar seluruh sarang semut tersebut dengan api, maka Allah SWT mewahyukan kepadanya: Adakah hanya

kerana seekor semut betina?” [Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari]

Kaedah Memukul dan Menyembur Racun Pada Muka Haiwan Perosak

Terjemahan: Dari Jabir RA berkata: “Rasulullah SAW melarang memukul haiwan pada bahagian muka dan menyembur racun pada mukanya.” [Muslim, Sahih Muslim]

Mengulas nas berikut, memukul haiwan pada bahagian muka adalah dilarang kerana kepala merupakan anggota tubuh yang lembut dan sensitif. Ijma’ ulama turut mengharamkan semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) seperti keldai dan unta kerana menyeksakan haiwan (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Dalam riwayat lain, baginda SAW pernah melaknat orang yang meracun himar (keldai) pada wajahnya (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Bagi perbuatan menyembur racun pada wajah haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*) seperti semut dan kala jengking, Imam al-Nawawi menghukum makruh perbuatan tersebut. Imam al-Baghawi pula tetap tidak membolehkannya dengan merujuk kepada lakinat Nabi SAW yang menunjukkan pengharaman sesuatu perbuatan.

Kesimpulannya, menyembur racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) adalah haram. Semburan racun yang diharuskan Islam hanya pada anggota selain dari muka. Misalnya pada belakang badan unta dan lembu bertujuan membezakan haiwan ternakan.

Inilah pegangan sahabat RA dan jumhur ulama. Namun, Imam Abu Hanifah tetap tidak membolehkannya dan menghukum makruh kerana menyeksakan haiwan (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq jenis berdarah (*al-Adami*) perlu dielakkan. Kaedah seperti menembak dan memukul lebih berkesan terhadap kelompok tersebut. Hal ini kerana racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman haiwan.

Bagi haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930) dan tidak sampai kepada hukum haram.

Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawawi dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan fasiq tidak berdarah (*ghair al-Adami*) yang kecil, licik dan sukar ditentukan bahagian yang ingin disembur racun.

Kaedah Pemindahan dan Pemusnahan Habitat Haiwan Perosak

Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal jauh dari manusia seperti kala jengking, ular, helang dan seumpama tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana ia menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terbabit yang terkecuali dari hukum haiwan fasiq. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya telah diceroboh.

Bagi spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal di dalam atau berhampiran persekitaran manusia sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman seperti tikus, gagak, anjing dan cicak. Habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya perlu dibunuh atau dipindahkan dari penempatan manusia.

Kaedah Efektif Kontemporari Selaras dengan Tuntutan Syara'

Bagi haiwan fasiq yang lebih besar dan tidak mungkin mati dengan satu pukulan seperti helang, cara lain adalah diharuskan seperti menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik harus dilakukan jika berkesan menghindarkan gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur penyeksaan dan ikhlas kerana Allah SWT (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Metode lain adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tetapi atas dasar maslahah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyeksaan dan penganiayaan haiwan serta efektif.

Islam mengutuk perbuatan membunuh mana-mana haiwan tanpa keperluan. Ini dijelaskan hadith,

Terjemahan: Dari ‘Amru Ibn al-Sharid katanya, aku mendengar al-Sharid RA berkata: Aku mendengar Rasullullah SAW bersabda: “Barangsiaapa membunuh burung sia-sia, maka ia akan mengadu di hadapan Allah SWT nanti dengan berkata: “Ya Allah ya tuhanku, si fulan telah membunuhku sia-sia.” [al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i]

Teknik Kawalan Khusus Terhadap Helang

Imam Malik pernah mengatakan; “*Janganlah kamu membunuh burung helang kecuali jika ia mengancam kamu dan haiwan ternakan kamu*” (Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr al-Qurtubi, 2006).

Pendapat masyhur dalam mazhab Maliki turut menyatakan orang yang dalam ihram tidak boleh membunuh helang kerana ancamannya lemah dan tidak sampai ke tahap membunuh manusia (Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Sanusi al-Hasani, t.t.).

Pada masa kini, helang merupakan spesies burung yang semakin diancam kepupusan (Endangered Wildlife Trust, 2012). Oleh itu, helang merupakan antara pelbagai spesies haiwan yang dilindungi.

Antara spesies burung helang yang dilindungi di Malaysia ialah helang Malam, helang Baza, helang Lebah, helang Merah, helang Kembara Hitam, helang Hitam, helang Kangok, helang Kepala Kelabu, helang Kinabalu, helang Berjambung, helang Pipit, helang Selat, helang Putih dan helang Tiram (Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Pindaan 2012).

Sehubungan itu, teknik kawalan seperti membunuh, menembak, memukul, meracun dan semua kaedah yang didapati mengancam kemandirian spesies helang adalah salah dari sisi undang-undang Malaysia. Bahkan untuk memerangkap dan menjerat helang memerlukan permit khas.

Hal ini perlu demi mengelakkan kepupusan haiwan sekaligus mengekalkan kestabilan ekosistem. Malahan terdapat pelbagai cara lain yang boleh diperaktikkan bagi menghindari ancaman dan gangguan helang terhadap haiwan ternakan:

Pertama; Helang jarang menyerang haiwan ternakan yang berada di dalam kawasan yang dikawal rapi atau kurang terdedah.

Oleh itu, haiwan ternakan yang dibela di dalam binaan kandang atau kurungan seluas satu hingga dua ekar lazimnya selamat daripada ancaman helang. Penggunaan pagar sahaja dilihat tidak praktikal terhadap helang (Matchett, M. R, B. W. O’Gara, 1987).

Kedua; Mengupah dan menugaskan penjaga atau pengembala bagi mengawasi haiwan ternakan berbanding membiarkannya bebas bergerak. Hal ini boleh mengurangkan risiko serangan helang.

Ketiga; Membela anjing sebagai pengawal haiwan ternakan untuk menakutkan burung helang.

Keempat; Menghadkan pergerakan atau mengasingkan haiwan yang masih kecil daripada kawasan ragut terbuka.

Kelima; Helang mudah tertarik kepada bangkai. Menghapuskan bangkai dengan segera jika terdapat haiwan ternakan yang mati mampu mengurangkan populasi helang. Logiknya, menghapuskan sumber makanan mampu memaksa helang supaya berhijrah ke tempat lain yang dapat menjamin keperluannya.

Keenam; Meningkatkan aktiviti manusia di sekitar kawasan haiwan ternakan (Bart W. O’Gara, 1994).

Kesimpulan

Rasulullah SAW telah memperingatkan akan potensi ancaman yang mampu dihadirkan kelompok haiwan tertentu. Oleh itu, jelas apa yang diucapkan Rasullullah SAW itu benar, tepat dan praktikal sepanjang zaman.

Malahan menghilangkan kemudaratannya dari segenap arah termasuk ancaman haiwan fasiq adalah dalam ruang lingkup *amar ma’ruf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy mungkar*.

Hal ini kerana setiap anjuran Rasullullah SAW bertujuan demi kesejahteraan manusia dan menjadi kewajiban bagi kita untuk mendalamai signifikan di sebaliknya.

Islam bukanlah agama yang menganjurkan kekejaman dan menafikan hak haiwan untuk hidup. Islam meraikan hak dan keperluan semua pihak selagi mana ia tidak melampaui batas. Selagi mana haiwan itu hidup, Islam meraikan kewujudannya.

Begini juga ketika mahu dicabut nyawanya, Islam mengajarkan cara yang paling ihsan untuk melakukannya. Hal ini perlu difahami dengan baik untuk mengelakkan sebarang bentuk salah faham terhadap Islam.

Rujukan

Abu ‘Abd Allah Muhammad Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 6: 41.

Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Sanusi al-Hasani. (t.t.). *Mukammil Ikmal al-Ikmal Sharh Sahih Muslim*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, 3: 313-314.

Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Isma’il al-Bukhari. (2000). “Al-Jami’ al-Musnad Min Hadith Rasullillah wa Sunanah wa Ayyamih” dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Syakh. Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tauzi’, 267.

Abu ‘Abd Rahman Ahmad Ibn Shu’air Ibn ‘Ali al-Nasa’i. (1988). *Sunan al-Nasa’i*. Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 447.

Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi. (2000). “Sahih Muslim” dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn

‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 1076.

Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Abadi. (1968). *Aun al-Ma’bud Sharh Sunan Abu Dawud*. Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 10: 276-277.

Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ashath al-Sajistani. (1988). *Sunan Abu Dawud*. Riyadh: al-Maktabah al-Ma’arif lil Nashr wa al-Tawzi’, 627.

Ahmad al-Sharbashi. (1981). *Mawsu’ah Akhlaq al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Ra’id al-Ghasb, 2: 44.

Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Wataniah Ithna’ Nashr, 6: 454.

Al-Qadi ‘Iyad. (1998). *Sharh Sahih Muslim lil Qadi ‘Iyad al-Musamma Ikmal Mu’allim bi Fawa’id Muslim*. al-Mansurah: Dar al-Wafa’ lil Taba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’, 7: 174.

Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud Ibn Ahmad al-‘Aini. (2001). *Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, 15: 346.

Bart W. O’Gara. (1994). *Prevention and Control of Wildlife Damage*. The University of Montana: US Fish and Wildlife Service Montana Cooperative Wildlife Research Unit, E41-E48.

Berita Harian Online. 20 Sept 2006. dicapai pada 5 Mac 2013. <http://petcockatiel.com/Dboard/viewtopic.php?f=50&t=747>.

Butris al-Bustani. (t.t.). *Qamus Mutawwal li Lughah al-‘Arabiah Muhit al-Muhit*. Beirut: Maktabah Lubnan, 967.

Endangered Wildlife Trust. (2012). South Africa: Gauteng. ISBN: 0 620 11147 X © 1987

Gordon Morrison. (1998). *Bald Eagle*. New York: Walter Lorraine Books, 7-8.

Hope B. Werness. (2003). *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art*. New York: The Continuum International Publishing Group Inc., 151.

Ibn Hajar al-‘Asqalani. (2006). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. (terj.) Amiruddin et al. Jakarta:

Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 10: 206.

Ibn Majah al-Qazwayni. (1986). *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Maktabah al-Ma ‘arif lil Nashr wa al-Tawzi’, 545.

Kamus Dewan Online. laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). dicapai pada 20 September 2013. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=haiwan+erosak>

Keith Brown. (2001). *Oxford Student’s Dictionary of English*. New York: Oxford University Press, 386.

Malaysia Catch Fish Hatchery. dicapai pada 5 Mac 2013. <http://pergauhatchery.com>

Matchett. M. R. B. W. O’Gara. *Methods of Controlling Golden Eagle Depredation on Domestic Sheep In Southwestern Montana*. J. Raptor Res. 21: 85-94. 1987

Metro Online. 10 November 2012. dicapai pada 5 Mac 2013. http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Budak_2tahunparahdicekauhelang//Article/index_.htm

Mohd Farhan Md Ariffin (2015). “*Analisis Hadith Mengenai Haiwan Fasiq dalam Al-Kutub Al-Sittah: Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Melayu Di Daerah Pengkalan Hulu. Perak*”. Disertasi Ijazah Sarjana. Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Mohd Farhan Md Ariffin. (2015). *Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikansi dan Metode Interaksi Berasaskan Fiqh al-Hadith*. Jurnal Intelek, 10 (1): 55-66.

Mohd Rasdi Saamah. (t.t.). *Unsur Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Suku Kaum Semai*, Pahang: IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, 7.

Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarak Furi. (t.t.). *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami’ al-Tirmidhi*. ttp.. Dar al-Fikr lil Taba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’, 3: 576.

Safa al-Dawwi Ahmad al-‘Adawi. (1999). *Ihda’ al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah*. ttp. Maktabah Dar al-Yaqin, 4: 400.

Sheikh Khalil Ahmad al-Sahhar Nafawri. (t.t.). *Bazl al-Majhud fi Hal Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 20: 206.

Steve Parker. (2011). *Mari Berseronok dengan Ensiklopedia Haiwan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 22.

Sulayman Ibn Dawud Ibn al-Jarud. (t.t.). *Musnad Abu Dawud al-Tiyalisi*. Mesir: Hajar, 1: 262.

Teuku Iskandar. (1970). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 358.

Tom Warhol. Chris Reiter. (2004). *Eagles*. New York: Benchmark Books, 33.

Wahbah al-Zuhayli. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimasyq: Dar al-Fikr, 3: 692.

Yahya Ibn Sharf al-Nawawi. (1930). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim*. Mesir: Dar Ihya' al-Turath al-‘Arabi, 14: 236-237.

Yusuf al-Qaradhawi. (1997). *Fiqih Peradaban Sunnah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan*. Surabaya: Dunia Ilmu, 185.

Lampiran 1: Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak Masa Kini

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
Tikus	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipas Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
Kala Jengking	Berbisa Memudaratkan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
Burung Gagak	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Mengganggu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
Burung Helang	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun
Anjing	Bengis Pembawa Penyakit (contoh; <i>Rabies</i>) Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
Ular	Berbisa Memusuhi manusia Menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
Cicak	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat

Lampiran 2: Pendekatan Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

